



JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SEMBILAN

LAPORAN TAHUNAN 2023





JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SEMBILAN

DITERBITKAN OLEH:

Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan
Tingkat 5, Seremban City Centre, Jalan Pasar
70200 Seremban
Negeri Sembilan

Penerbitan ini boleh diterbitkan semula keseluruhan dan sebahagiannya, bagi tujuan pendidikan atau tujuan-tujuan yang tidak memberi keuntungan tanpa persetujuan daripada pihak penerbit. Terbitan ini tidak boleh diterbitkan untuk tujuan atau untuk apa-apa tujuan perniagaan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan.

Sebarang maklum balas atau cadangan boleh dihantar kepada:

Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan
Tingkat 5, Seremban City Centre, Jalan Pasar
70200 Seremban
Negeri Sembilan

Tel: +606-764 9017
Faks: +606-764 9019

ISSN 3030-6469

KANDUNGAN

| | |
|--|-----|
| VISI, MISI DAN FUNGSI JABATAN ALAM SEKITAR | iii |
| PERUTUSAN PENGARAH | iv |

BAB 1 PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

| | |
|---|-----|
| ▪ Pentadbiran Am Dan Sumber Manusia | 1 |
| ▪ Carta Organisasi | 2 |
| ▪ Pengisian Jawatan | 3-5 |
| ▪ Rekod Kursus / Latihan Pegawai JAS Negeri Sembilan 2023 | 6-8 |
| ▪ Kewangan | 9 |
| - Peruntukan /Kutipan Hasil JAS Negeri Sembilan | |

BAB 2 BAHAGIAN PEMBANGUNAN

| | |
|--|-------|
| ▪ Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) | 10-12 |
| ▪ Penguatkuasaan Dan Pemantauan EIA | 13 |
| ▪ Kerja Tanah | 13 |
| ▪ Tindakan Perundangan | 14 |
| ▪ Kuari | 15-16 |
| ▪ Input Pembangunan | 17-18 |
| ▪ Pengawasan Kualiti Air Tanah | 19-22 |
| ▪ Pelesenan Dan Pemberitahuan Bertulis | 23 |
| ▪ Kebenaran Bertulis Di Bawah Seksyen 19 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 | 23 |
| ▪ Lesen Di Bawah Seksyen 18, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 | 25 |
| ▪ Pemberitahuan Bertulis Di Bawah Peraturan 4, | 25 |
| ~ Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009 | |
| ▪ Pemberitahuan Bertulis Di Bawah Peraturan 4, | 25 |
| ~ Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 | |
| ▪ Pemberitahuan Bertulis Di Bawah Peraturan 5, | 25 |
| ~ Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014 | |
| ▪ Lesen Pelanggaran | 25 |
| ▪ Pendidikan Dan Kesedaran Alam Sekitar | 26 |
| ▪ Program Rakan Alam Sekitar | 26 |
| ▪ Seminar/Bengkel/Taklimat, Ceramah Dan Pameran Alam Sekitar | 26-27 |
| ▪ Sambutan Hari Bertemakan Alam Sekitar | 28-31 |
| ▪ Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) | 32-33 |
| ▪ Sekolah Lestari-Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) | 34-35 |
| ▪ Program Pengumpulan Buangan Elektrik Dan Elektronik (E-Waste) | 35 |
| ▪ Program Gotong-Royong Denai Sungai Kebangsaan | 36 |

KANDUNGAN

BAB 3

BAHAGIAN OPERASI

| | |
|--|-------|
| ▪ Kawalan Premis Yang Ditetapkan (PYDT) | 37 |
| ▪ Kilang Getah Asli Mentah (KG) | 37 |
| ▪ Kilang Kelapa Sawit Mentah (KKS) | 37 |
| ▪ Kemudahan Pengolahan Dan Pelupusan Buangan Terjadual Dan Pembawa Yang Ditetapkan | 38 |
| ▪ Jenis Lesen, Jumlah Premis, Peratusan Pematuhan | 39-40 |
| ▪ Kawalan Premis Yang Bukan Ditetapkan (PYBDT) | 41-42 |
| ▪ Kawalan Kenderaan Bermotor | 43 |
| ▪ Program Kawalan Pelepasan Asap Hitam Kenderaan Diesel | 43 |
| ▪ Program Kawalan Pelepasan CO/HC Kenderaan Petrol | 44 |
| ▪ Program Kawalan Pelepasan Bunyi Bising Dari Motosikal | 45 |
| ▪ Lain-Lain Program Kawalan Kenderaan Bermotor | 45-47 |
| ▪ Aduan | 48 |
| ▪ Kategori Aduan Pencemaran | 49 |
| ▪ Bilangan Aduan Mengikut Jenis Pencemaran | 50 |
| ▪ Statik Tindakan Penguatkuasaan | 51 |
| ▪ Notis Arahan | 51 |
| ▪ Kompaun | 52 |
| ▪ Pendakwaan Dan Tindakan Mahkamah | 53 |

VISI

**Pemuliharaan Alam Sekitar
Untuk Kesejahteraan Rakyat**

MISI

**Memastikan Pembangunan Lestari
Di Dalam Proses Memajukan Negara**

FUNGSI

**Mencegah, Menghapus, Mengawal Pencemaran
Dan Memperbaiki Alam Sekeliling, Selaras
Dengan Maksud Akta Kualiti Sekeliling 1974
Dan Peraturan-peraturan Di Bawahnya**

PERUTUSAN PENGARAH

Alhamdulillah, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan telah menerbitkan Laporan Tahunannya yang menggarapkan aktiviti pemantauan alam sekitar dan program penguatkuasaan ke atas premis yang dikawal bagi mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 serta melaporkan status kualiti alam sekitar Negeri Sembilan bagi tahun 2023.

Laporan berinformatif ini menyatakan pencapaian jabatan ini sepanjang tahun 2023. Ianya memberi gambaran pelaksanaan sepenuhnya fungsi Jabatan Alam Sekitar di dalam program pemantauan kualiti alam sekitar dan program penguatkuasaan selaras dengan peruntukan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 menerusi pendekatan yang tegas dan berintegriti.


Dalam memenuhi hasrat tersebut, program peningkatan keupayaan dan kemahiran pegawai penguatkuasa sentiasa diberikan keutamaan. Dalam pada itu, sektor industri masih diberi penekanan melaksanakan peraturan sendiri (*self-regulation*) sebagai pelengkap kepada *Command And Control (CAC)* selain program penguatkuasaan berjadual oleh Jabatan Alam Sekitar bagi memastikan pematuhan sepenuhnya ke atas Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 dan peraturan-peraturan dibawahnya.

Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan tidak ketinggalan di dalam mempromosikan program kesedaran dan pendidikan alam sekitar kepada masyarakat umum bagi pembentukan minda berterusan dan perubahan sikap khususnya kepada generasi baru kepada kepentingan pengurusan alam sekitar yang baik.

Dalam memacu ke arah pembangunan mampan, alam sekitar juga adalah agenda utama yang perlu dititikberatkan selain daripada pembangunan aspek ekonomi dan sosial. Besarlah harapan Jabatan ini agar segenap lapisan masyarakat dapat berganding bahu dan membantu sinergi untuk melindungi dan memulihara alam sekitar.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan dalam melaksanakan program dan aktiviti sepanjang tahun 2023.

Sekian,



Hamzah Bin Mohamad (P.S.K.)
Pengarah
Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan



BAB 01

PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

- **Pentadbiran Am dan Sumber Manusia**
- **Rekod Kursus / Latihan Pegawai Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan Tahun 2023**
- **Kewangan**

FUNGSI BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

Bahagian Pentadbiran, Perkhidmatan dan Kewangan adalah bahagian khidmat sokongan yang menguruskan perkara berkaitan pentadbiran am, perkhidmatan / sumber manusia dan kewangan.

PENTADBIRAN AM DAN SUMBER MANUSIA


Struktur organisasi Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan diketuai oleh Pengarah selaku Ketua Jabatan. Jabatan ini dibahagikan kepada empat (4) bahagian dan satu (1) cawangan iaitu Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Bahagian Pembangunan, Bahagian Operasi 1 dan Bahagian Operasi 2 dan Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan Cawangan Kuala Pilah.

Setiap Bahagian diketuai oleh Ketua Penolong Pengarah Gred C52 dan C48 manakala Bahagian Pentadbiran dan Kewangan diteraju oleh Penolong Pegawai Tadbir Gred N32.

Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan Cawangan Kuala Pilah pula diketuai oleh Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C44 yang bertindak sebagai Ketua Cawangan.

Rujuk Rajah 1.1 bagi carta organisasi Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan Tahun 2023

CARTA ORGANISASI JAS NEGERI SEMBILAN



PENGISIAN JAWATAN

PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

| BUTIRAN | SENARAI JAWATAN | GRED | BIL. JAWATAN | | |
|---------|--|---|--------------|-----|--------|
| | | | LULUS | ISI | KOSONG |
| 1 | Pengarah Pegawai Kawalan Alam Sekitar | C54 | 1 | 1 | - |
| 2 | Ketua Penolong Pengarah Pegawai Kawalan Alam Sekitar | C48/C52 | 1 | 0 | 1 |
| 3 | Ketua Penolong Pengarah Pegawai Kawalan Alam Sekitar | C48 | 2 | 2 | - |
| 4 | Penolong Pengarah Pegawai Kawalan Alam Sekitar | C44 | 2 | 2 | - |
| 5 | Penolong Pengarah Pegawai Kawalan Alam Sekitar | C41 | 5 | 5 | - |
| 6 | Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar | C38 | 1 | 1 | - |
| 7 | Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam)/ Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar | JA36/JA36/ C32/C38 | 1 | 1 | - |
| 8 | Penolong Akauntan | W29/W32 /W36 | 1 | 1 | - |
| 9 | Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam) / Penolong Jurutera/ Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar | JA29/JA30/ JA36/JA38/ C29/C32/C38 | 2 | 2 | - |
| 10 | Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar | C32/C38 | 2 | 2 | - |
| 11 | Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar | C29/ C32/ C38 | 11 | 10 | 1 |
| 12 | Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam) / Penolong Jurutera | JA29/ JA30 JA36/ JA38 | 12 | 12 | - |
| 13 | Penolong Pegawai Tadbir | N32/ N36 | 1 | 1 | - |
| 14 | Penolong Pegawai Teknologi Maklumat | FA29/ FA32/ FA36 | 1 | 1 | - |

Jadual 1.1: Pengisian Perjawatan Di Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan Waran Perjawatan Bil. K 146 Tahun 2023

PENGISIAN JAWATAN

PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

| BUTIRAN | SENARAI JAWATAN | GRED | BIL. JAWATAN | | |
|---------------|--|---------------|--------------|-----------|----------|
| | | | LULUS | ISI | KOSONG |
| 15 | Pembantu Khas Pembantu Setiausaha Pejabat/ Setiausaha Pejabat | N19/ N22/ N30 | 1 | 1 | - |
| 16 | Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) | N19/ N22/ N26 | 5 | 5 | - |
| 17 | Pembantu Akauntan | W19/ W22/ W26 | 1 | 1 | - |
| 18 | Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) | N19/ N22/ N26 | | | |
| 19 | Pembantu Operasi | N11/N14/N16 | 1 | 1 | - |
| 20 | Pemandu Kenderaan | H11/ H14/ H16 | 5 | 4 | 1 |
| JUMLAH | | | 56 | 53 | 3 |

Jadual 1.1: Pengisian Perjawatan Di Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan Waran Perjawatan Bil. K 146 Tahun 2023

PENGISIAN JAWATAN

PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

| BUTIRAN | SENARAI JAWATAN | GRED | BIL. JAWATAN | | |
|---------------|---|---------------------|--------------|----------|----------|
| | | | LULUS | ISI | KOSONG |
| 1 | Penolong Pengarah Kawalan Alam Sekitar | C44 | 1 | 1 | - |
| 2 | Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar | C32/C38 | 1 | 1 | - |
| 3 | Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar | C29/C32/C38 | 3 | 3 | - |
| 4 | Pelukis Plan (Kejuruteraan Awam)/ Penolong Jurutera | JA29/JA30/JA36/JA38 | 3 | 3 | - |
| 5 | Pemandu Kenderaan | H11/H14/H16 | 1 | 1 | - |
| JUMLAH | | | 9 | 9 | - |

Jadual 1.2: Pengisian Perjawatan Di Cawangan Kuala Pilah Waran Perjawatan Bil. K 146 Tahun 2023

REKOD KURSUS / LATIHAN

PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

| BIL | NAMA | JAWATAN | JUMLAH HARI KURSUS |
|-----|---------------------------------|---|--------------------|
| 1 | Hamzah Bin Mohamad | Pengarah, Pegawai Kawalan Alam Sekitar C54 | 12 |
| 2 | Mohd Asri Bin Ramli | Ketua Penolong Pengarah, Pegawai Kawalan Alam Sekitar C48 | 16 |
| 3 | Mazriah Ayu Binti Hj Abu Bakar | Ketua Penolong Pengarah, Pegawai Kawalan Alam Sekitar C48 | 10 |
| 4 | Siti Hajar Binti Hussain | Pegawai Kawalan Alam Sekitar Kanan C44 | 9 |
| 5 | Siti Norhidayah Binti Abdullah | Pegawai Kawalan Alam Sekitar Kanan C44 | 14 |
| 6 | Nurul Hani Binti Hasnan | Ketua Cawangan, Pegawai Kawalan Alam Sekitar Kanan C44 | 12 |
| 7 | Azri Muzani Bin Azizun | Pegawai Kawalan Alam Sekitar C41 | 7 |
| 8 | Muhammad Fitri Bin Soroni | Pegawai Kawalan Alam Sekitar C41 | 13 |
| 9 | Effa Nadia Binti Mohd Nasir | Pegawai Kawalan Alam Sekitar C41 | 13 |
| 10 | Hasrul Hafizuddin Bin Muhammad | Pegawai Kawalan Alam Sekitar C41 | 9 |
| 11 | Muhammad Hazwan Bin Mohd Hazman | Pegawai Kawalan Alam Sekitar C41 | 16 |
| 12 | Raudhah Binti A.Karim | Pegawai Kawalan Alam Sekitar C41 | 8 |
| 13 | Zainoorliza Binti Zainal Abidin | Penolong Kawalan Alam Sekitar Tertinggi C38 | 10 |
| 14 | Abdullah Bin Mustafa | Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar Kanan C32 | 9 |
| 15 | Mohd Kamarul Bin Nawawi | Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar Kanan C32 | 5 |
| 16 | Mohd Radzi Bin Mawi | Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar Kanan C32 | 5 |
| 17 | Mohd Shukri Bin Noh | Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar Kanan C32 | 9 |
| 18 | Junaidah Binti Hussin | Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar Kanan C32 | 7 |
| 19 | Hafizah Binti Hamdan | Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar Kanan C32 | 6 |
| 20 | Muhamad Zulkifli Bin Othman | Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar Kanan C32 | 8 |
| 21 | Mohd Azwar Bin Zakariya | Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar Kanan C29 | 14 |

Jadual 1.3 : Rekod Kursus / Latihan Kakitangan Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan Tahun 2023

REKOD KURSUS / LATIHAN

PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

| BIL | NAMA | JAWATAN | JUMLAH HARI KURSUS |
|-----|-------------------------------------|---|--------------------|
| 22 | J.Nisah Binti Jalani | Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar C29 | 9 |
| 23 | Mohammad Hadayaddin Bin Hisham | Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar Kanan C32 | 12 |
| 24 | Nur Haily Binti Ramli | Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar Kanan C32 | 8 |
| 25 | Noor Zaiimah Binti Ahmad | Penolong Pegawai Tadbir Kanan N32 | 12 |
| 26 | Fariza Binti Ahmad Puzi | Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar C29 | 14 |
| 27 | Muhammad Izzat Bin Azrai | Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar C29 | 14 |
| 28 | Zul Fahmie Izzuddin Bin Md Shahudin | Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar C29 | 9 |
| 29 | Muhammad Arrazi Bin Mohamed Jamil | Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar C29 | 17 |
| 30 | Muhammad Syafiq Bin Johari | Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar C29 | 11 |
| 31 | Nurfarisha Adura Binti Shaari | Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar C29 | 9 |
| 32 | Hazhira Binti Md Din | Penolong Jurutera JA29 | 8 |
| 33 | Mohd Awaluddin Bin Baharudin | Penolong Jurutera JA29 | 7 |
| 34 | Mohd Azizi Bin Mohd Jali | Penolong Jurutera JA29 | 9 |
| 35 | Mohd Fadil Bin Daud | Penolong Jurutera JA29 | 12 |
| 36 | Erma Zairani Binti Jailani | Penolong Jurutera JA29 | 9 |
| 37 | Faizal Effandi Bin Ramli | Penolong Jurutera JA29 | 11 |
| 38 | Izwan Bin Mad Nor | Penolong Jurutera JA29 | 5 |
| 39 | Shahnur Fathiah Binti Abd Karim | Penolong Jurutera JA29 | 8 |
| 40 | Nursyadah Binti Dzolkiple | Penolong Jurutera JA29 | 13 |
| 41 | Kairul Anuar Bin Yusof | Penolong Jurutera JA29 | 10 |

Jadual 1.3 : Rekod Kursus / Latihan Kakitangan Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan Tahun 2023

REKOD KURSUS / LATIHAN

PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

| BIL | NAMA | JAWATAN | JUMLAH HARI KURSUS |
|-----|---------------------------------|---|--------------------|
| 42 | Mohamad Noor Adnan Bin Zulkafli | Penolong Jurutera JA29 | 7 |
| 43 | Muhammad Nazri Bin Azman | Penolong Jurutera JA29 | 8 |
| 44 | Norlina Binti Ibrahim | Penolong Jurutera JA29 | 8 |
| 45 | Nur Afidah Binti Khairrudin | Penolong Jurutera JA29 | 8 |
| 46 | Nur Aslina Binti Abd Rashid | Penolong Jurutera JA29 | 12 |
| 47 | Nur Fatin Binti Mohamed Sidek | Penolong Jurutera JA29 | 12 |
| 48 | Nor Hamizah Binti Kamis | Penolong Jurutera JA29 | 9 |
| 49 | Nur Hidayah Binti Jamil | Penolong Akauntan W29 | 7 |
| 50 | Aidasulyawati Binti Ramlle | Penolong Pegawai Teknologi Maklumat FA 29 | 5 |
| 51 | Nor Azilawati Binti Zakaria | Pembantu Tadbir (P/O) N22(Kup) | 14 |
| 52 | Nor Lyedia Binti Abdul Hamid | Pembantu Tadbir (P/O) N22(Kup) | 5 |
| 53 | Melur Fitrawati Binti Mustapha | Pembantu Tadbir (P/O) N22(Kup) | 5 |
| 54 | Mogana A/P Annamalay | Pembantu Tadbir (P/O) N22(Kup) | 5 |
| 55 | Nurul Hani Binti Ma'amor | Setiausaha Pejabat N19 | 9 |
| 56 | Siti Farah Diyana Binti Norhan | Pembantu Tadbir (P/O) N19 | 11 |
| 57 | Norashikin Binti Ramli | Pembantu Akauntan W19 | 9 |
| 58 | Maslihin Bin Rosli | Pembantu Operasi N11 | 8 |
| 59 | Mohd.Azali Bin Mohd.Nor | Pemandu Kenderaan H11 | 6 |
| 60 | Irwan Bin Djumalis | Pemandu Kenderaan H11 | 6 |
| 61 | Mohd Faizal Bin Rosli | Pemandu Kenderaan H11 | 9 |
| 62 | Mohd Azrin Bin Mohd Azhari | Pemandu Kenderaan H11 | 5 |
| 63 | Mazlan Bin Zakaria | Pemandu Kenderaan H11 | 7 |

Jadual 1.3 : Rekod Kursus / Latihan Kakitangan Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan Tahun 2023

KEWANGAN

PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

PERUNTUKAN

Pada tahun 2023, jumlah peruntukan yang diluluskan bagi Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan bagi Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan adalah seperti di jadual berikut:

| Jenis Peruntukan Tahun 2022 | Peruntukan (RM) | Perbelanjaan (RM) |
|-----------------------------|-----------------|-------------------|
| Mengurus | 5,207,763.96 | 5,207,763.96 |
| Pembangunan | 129,825.00 | 129,824.30 |

Jumlah Peruntukan Yang Diluluskan Tahun 2023

KUTIPAN HASIL

Pada tahun 2023, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan telah memungut hasil berjumlah RM442,864.56 Kutipan hasil penguatkuasaan iaitu bayaran hasil mahkamah, bayaran lesen dan bayaran kompaun. Selain itu kutipan hasil turut diterima dari aktiviti pelupusan harta benda kerajaan.

| Bil | Butiran Kutipan | Kod Hasil | Hasil Kutipan 2022 (RM) |
|----------------------|--|-----------|-------------------------|
| 1. | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Bayaran Lesen ▪ Bayaran Hasil Mahkamah ▪ Bayaran Balik Gaji ▪ Penerimaan balik bayaran tahun lalu | 71408 | 141,142.89 |
| 2. | Pelupusan | 73301 | 18,971.67 |
| 3. | Bayaran Kompaun | 76199 | 282,750.00 |
| Jumlah Kutipan Hasil | | | 442,864.56 |

Kutipan Hasil Tahun 2023

BAB 02

BAHAGIAN PEMBANGUNAN

- **Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA)**
- **Input Pembangunan**
- **Pengawasan Kualiti Air Tanah**
- **Pelesenan dan Pemberitahuan Bertulis**
- **Pendidikan dan Kesedaran Alam Sekitar**

PENILAIAN KESAN KEPADA ALAM SEKELILING (EIA)

BAHAGIAN PEMBANGUNAN

Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling atau *Environmental Impact Assessment (EIA)* merupakan satu alat perancangan penting dalam pengurusan Pembangunan alam sekitar. Kajian EIA dapat mengawal dan mengenalpasti potensi impak kepada alam sekitar dan cadangan langkah-langkah kawalan dan tebatan bagi sesuatu projek pembangunan.


Keperluan bagi penyediaan Laporan EIA adalah sebagaimana yang diperuntukkan dibawah Seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974. Bagi mana-mana aktiviti yang dikategorikan sebagai aktiviti yang ditetapkan di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kepada Kesan Alam Sekeliling) 2015, Laporan EIA hendaklah dikemukakan terlebih dahulu kepada Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling untuk kelulusan sebelum sesuatu projek dilaksanakan.

Walau bagaimanapun, Laporan EIA bukan merupakan kelulusan pelaksanaan sesuatu projek sebaliknya ia merupakan suatu input kepada pihak yang meluluskan seperti pihak Berkuasa Tempatan dan Kerajaan Negeri. Laporan EIA akan menjadi salah satu dokumen rujukan bagi membolehkan pihak yang meluluskan membuat pertimbangan ke atas sesuatu projek pembangunan.

Pada tahun 2023, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan telah menerima dan memproses sebanyak dua puluh tujuh (27) Laporan EIA. Laporan EIA bagi aktiviti pengolahan dan pelupusan buangan merupakan jenis aktiviti terbanyak yang diterima seperti dalam (Rajah 2.1.1). Status keputusan Laporan EIA yang diterima seperti dalam (Rajah 2.1.2).

PENILAIAN KESAN KEPADA ALAM SEKELILING (EIA)

BAHAGIAN PEMBANGUNAN



Rajah 2.1.1: Bilangan Laporan EIA yang diterima mengikut Jenis Aktiviti Tahun 2023



Rajah 2.1.2: Status Keputusan Laporan EIA yang diterima Tahun 2023

PENGUATKUASAAN DAN PEMANTAUAN EIA

BAHAGIAN PEMBANGUNAN

Penguatkuasaan dan pemantauan EIA adalah program tahunan yang dijalankan ke atas projek-projek yang telah mendapatkan kelulusan Laporan EIA bagi memastikan pematuhan terhadap syarat-syarat kelulusan Laporan EIA. (Jadual 2.1.1) menunjukkan bilangan keseluruhan dan pencapaian penguatkuasaan serta pemantauan EIA bagi tahun 2023:

| PENGUATKUASAAN DAN PEMANTAUAN EIA | | | |
|-----------------------------------|--------------|---------------------|------------------------|
| Aktiviti | Jumlah Punca | Sasaran Pemeriksaan | Pencapaian Pemeriksaan |
| Kerja Tanah | 24 | 96 | 100 |
| Kuari | 2 | 8 | 8 |

Jadual 2.1.1: Bilangan Punca Sasaran Pemeriksaan dan Pencapaian Pemeriksaan bagi Aktiviti Penguatkuasaan dan Pemantauan EIA Tahun 2023

KERJA TANAH

Sepanjang tahun 2023, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan telah menjalankan pemeriksaan ke atas aktiviti kerja tanah bagi projek yang mempunyai kelulusan Laporan EIA.

Pemeriksaan susulan dari semasa ke semasa dijalankan bagi tujuan verifikasi langkah-langkah penambahbaikan seperti arahan yang diberikan oleh pegawai penyiasat.

Status pematuhan aktiviti kerja tanah daripada 92 adalah patuh seperti dalam (Rajah 2.1.3) berikut:

PENGUATKUASAAN DAN PEMANTAUAN EIA

BAHAGIAN PEMBANGUNAN



Rajah 2.1.3: Status Pematuhan Aktiviti Kerja Tanah Tahun 2023

TINDAKAN PERUNDANGAN

Tindakan perundangan bagi aktiviti kerja tanah telah dikeluarkan kepada pemaju projek. **Field Citation** merupakan tindakan tertinggi yang dikenakan kepada pemaju projek seperti dalam (Rajah 2.1.4).




Rajah 2.1.4: Tindakan yang dikenakan bagi Aktiviti Kerja Tanah Tahun 2023

PENGUATKUASAAN DAN PEMANTAUAN EIA

BAHAGIAN PEMBANGUNAN

KUARI

Bagi aktiviti kuari, pemeriksaan dijalankan bagi memastikan premis kuari patuh terhadap syarat-syarat yang ditetapkan. Status pematuhan aktiviti kuari adalah seperti dalam (Rajah 2.1.5). Tindakan yang dikenakan bagi aktiviti kuari adalah seperti (Rajah 2.1.6).



Rajah 2.1.5: Status Pematuhan Aktiviti Kuari Tahun 2023



Rajah 2.1.6: Tindakan yang dikenakan bagi Aktiviti Kuari Tahun 2023

PENGUATKUASAAN DAN PEMANTAUAN EIA

BAHAGIAN PEMBANGUNAN

KUARI



Pemerhatian Air Larian dan *Best Management Practice (BMP)* dari kawasan tanah tinggi.



Pemerhatian Kawalan *Sediment Control* di Tapak.



Cerun yang telah dibaiki dan dipasang *Hydroseeding* untuk mengelakkan hakisan tanah.



Pemerhatian Pelan *Land-Disturbing Pollution Prevention And Mitigation Measures (LD-P2M2)* ditapak yang telah disahkan oleh jentera bertauliah.


INPUT PEMBANGUNAN

BAHAGIAN PEMBANGUNAN

Dalam usaha untuk melestarikan alam sekitar, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan juga berperanan untuk memberi input bagi sesuatu cadangan pembangunan. Tujuan input pembangunan ini adalah bagi membantu menilai kesesuaian pembangunan yang dikemukakan dengan pembangunan sedia ada di sekitar cadangan tapak projek dan perancangan pembangunan yang akan dilaksanakan di Negeri Sembilan.

Ulasan input pembangunan yang diberikan adalah berdasarkan keperluan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 dan merujuk kepada *Environmental Essentials for Sitting of Industrial in Malaysia (EESIM)*, 2017.


Sejumlah 1,421 permohonan diterima untuk dinilai pada tahun 2023 seperti dalam (Rajah 2.2.1). Manakala sebagai perbandingan bilangan permohonan tahun 2022 adalah sejumlah 1,159 yang diterima seperti dalam (Rajah 2.2.2).




Rajah 2.2.1: Bilangan Permohonan yang diterima pada Tahun 2023

INPUT PEMBANGUNAN

BAHAGIAN PEMBANGUNAN



Rajah 2.2.2: Perbandingan Jumlah Permohonan dari Tahun 2021 hingga Tahun 2023



Rajah 2.2.3: Bilangan Permohonan yang diterima Tahun 2023 mengikut PBT


PENGAWASAN KUALITI AIR TANAH

BAHAGIAN PEMBANGUNAN

Pengawasan kualiti air tanah bertujuan untuk mengesan pencemaran air tanah di kawasan yang berpotensi menyebabkan risiko pencemaran air tanah mengikut kategori guna tanah. Terdapat sebanyak empat (4) buah stesen telaga pemantauan kualiti air tanah di Negeri Sembilan iaitu:

- i. Dua (2) stesen terletak di Sendayan yang berada di dalam kawasan Kualiti Alam Sdn Bhd.
- ii. Satu (1) stesen di Sendayan yang terletak di dalam kawasan premis Tapak Pelupusan Sampah Cypark, Tanah Merah; dan
- iii. Satu (1) stesen terletak di Senawang yang berada di dalam kawasan Edible Oil Sdn Bhd.

TABURAN STESEN KUALITI AIR TANAH KEBANGSAAN DI NEGERI SEMBILAN



- S1-MW (7)-N5-1-8.00 Kualiti Alam, Bukit Nenas
- S2-MW (7)-N5-1-7.55 Kualiti Alam, Bukit Nenas
- S3-MW (7)-N4-1-6.44 Senawang Edible Oil
- S4-MW (7)-N210108-2-10.03 TPS Cypark, Tanah Merah

PENGAWASAN KUALITI AIR TANAH

BAHAGIAN PEMBANGUNAN

Setiap tahun, pengawasan kualiti air tanah dijalankan sebanyak empat (4) kali percontohan. Indeks Kualiti Air Tanah (IKAT) digunakan bagi mengukur dan menilai tahap pencemaran air tanah. Bagi menilai tahap kualiti air tanah tersebut terbahagi kepada tiga (3) Standard Kualiti Air Tanah Kebangsaan iaitu kegunaan air minum (bagi rawatan secara konvensional), kegunaan pertanian dan kegunaan industri. IKAT telah diperolehi berdasarkan kepada tujuh (7) parameter, dan parameter tersebut ialah *Phenol, Iron, Total Dissolved Solid, Sulfate, Nitrate, E-Coli* dan *pH*.


| IKAT | KATEGORI | KEGUNAAN BERFAEDAH |
|---------|-----------------|---|
| 0 – 15 | Sangat Tercemar | Kajian diperlukan sebelum kegunaan |
| 16 – 39 | Tercemar | Pengairan / Pertanian |
| 40 – 69 | Sederhana | Air Mentah / Kegunaan industri |
| 70 – 89 | Baik | Berpotensi sebagai air minuman, tertakluk kepada pematuhan semua parameter yang disenaraikan dalam piawaian Kualiti Air Minum di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia |
| >90 | Sangat Baik | Air berkualiti tinggi bagi semua bentuk penggunaan, tertakluk piawaian kualiti air yang ditetapkan untuk setiap bentuk penggunaan |

Jadual 2.3.1: Indeks Kualiti Air Tanah

PENGAWASAN KUALITI AIR TANAH

BAHAGIAN PEMBANGUNAN

Bilangan percontohan dan frekuensi bagi pengawasan kualiti air tanah yang dijalankan pada tahun 2023 adalah seperti berikut:



Rajah 2.3.1: Laporan Pengawasan Kualiti Air Tanah Tahun 2023

| BIL | LOKASI | ID STESEN | TARIK SAMPLING | GWQI | KATEGORI |
|---------------|--------------------|--------------------|----------------|-----------|-------------|
| 1 | Kualiti Alam | MW (7)-N5-1-8.00 | 21.02.2023 | 95 | Sangat Baik |
| 2 | Kualiti Alam | MW (7)-N5-1-8.01 | 19.06.2023 | 74 | Baik |
| 3 | Kualiti Alam | MW (7)-N5-1-8.02 | 13.09.2023 | 94 | Sangat Baik |
| 4 | Kualiti Alam | MW (7)-N5-1-8.03 | 29.11.2023 | 87 | Baik |
| PURATA | | | | 87 | Baik |
| 5 | Kualiti Alam | MW (7)-N5-1-7.55 | 21.02.2023 | 76 | Baik |
| 6 | Kualiti Alam | MW (7)-N5-1-7.55 | 19.06.2023 | 74 | Baik |
| 7 | Kualiti Alam | MW (7)-N5-1-7.55 | 13.09.2023 | 94 | Sangat Baik |
| 8 | Kualiti Alam | MW (7)-N5-1-7.55 | 29.11.2023 | 64 | Sederhana |
| PURATA | | | | 74 | Baik |
| 9 | Senawang | MW(7)-N4-1-6.44 | 21.02.2023 | 77 | Baik |
| 10 | Senawang | MW(7)-N4-1-6.44 | 19.06.2023 | 73 | Baik |
| 11 | Senawang | MW(7)-N4-1-6.44 | 13.09.2023 | 65 | Sederhana |
| 12 | Senawang | MW(7)-N4-1-6.44 | 28.11.2023 | 70 | Baik |
| PURATA | | | | 71 | Baik |
| 13 | Cypark Tanah Merah | MW(7)-N2-1-2-10.03 | 21.02.2023 | 69 | Sederhana |
| 14 | Cypark Tanah Merah | MW(7)-N2-1-2-10.03 | 19.06.2023 | 79 | Baik |
| 15 | Cypark Tanah Merah | MW(7)-N2-1-2-10.03 | 13.09.2023 | 73 | Baik |
| 16 | Cypark Tanah Merah | MW(7)-N2-1-2-10.03 | 28.11.2023 | 74 | Baik |
| PURATA | | | | 74 | Baik |

Jadual 2.3.2: Keputusan Pengawasan Kualiti Air Tanah Tahun 2023

PENGAWASAN KUALITI AIR TANAH

BAHAGIAN PEMBANGUNAN



Kerja-Kerja Persampelan Pengawasan Kualiti Air Bawah Tanah di Kualiti Alam Sdn Bhd.



Kerja-Kerja Persampelan Pengawasan Kualiti Air Bawah Tanah di Kawasan Industri Senawang Edible Oil.

PELESENAN DAN PEMBERITAHUAN BERTULIS

BAHAGIAN PEMBANGUNAN

KEBENARAN BERTULIS DI BAWAH SEKSYEN 19 AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974

Permohonan Kebenaran Bertulis di bawah Seksyen 19, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 adalah permohonan yang dikemukakan oleh pemohon untuk membina atau menjalankan kerja yang akan menyebabkan premis dikategorikan sebagai sebuah Premis yang Ditetapkan (PYDT).

Pada tahun 2023, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan telah menerima dan memproses sebanyak enam belas (16) permohonan Kebenaran Bertulis di bawah Seksyen 19, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

| Bil | Jenis Permohonan Kebenaran Bertulis, Seksyen 19 | Lulus | Ditolak |
|-----|---|-------|---------|
| 1. | Premis Yang Ditetapkan (PYDT) BT | 5 | 4 |
| 2. | Premis Yang Ditetapkan (PYDT) KKS | 7 | 0 |
| 3. | Premis Yang Ditetapkan (PYDT) KG | 0 | 0 |

Jadual 2.4.1: Bilangan Permohonan yang diterima dan Keputusan Terhadap Permohonan Tahun 2023

LESEN DI BAWAH SEKSYEN 18, AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974

Premis Yang Ditetapkan (PYDT) hendaklah dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar di bawah Seksyen 18, Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974. Merujuk kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, terdapat tiga (3) jenis premis yang dikategorikan sebagai PYDT iaitu:

- i. Kilang Kelapa Sawit Mentah (KKS);
- ii. Kilang Getah Asli Mentah (KG); dan
- iii. Kemudahan Pengolahan dan Pelupusan Buangan Terjadual (BT)

Pada tahun 2023, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan telah menerima dan memproses sebanyak lapan puluh tiga (83) permohonan pembaharuan lesen di bawah Seksyen 18, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

PELESENAN DAN PEMBERITAHUAN BERTULIS

BAHAGIAN PEMBANGUNAN

| Bil | Permohonan Pembaharuan Lesen | Bilangan Pembaharuan Lesen |
|-----|---------------------------------|----------------------------|
| 1. | Permohonan Pembaharuan PYDT BT | 58 |
| 2. | Permohonan Pembaharuan PYDT KKS | 15 |
| 3. | Permohonan Pembaharuan PYDT KG | 10 |

Jadual 2.4.2: Bilangan Pembaharuan Lesen yang diterima mengikut Jenis PYDT Tahun 2023

PEMBERITAHUAN BERTULIS DI BAWAH PERATURAN 4, PERATURAN-PERATURAN KUALITI ALAM SEKELILING (EFLUEN PERINDUSTRIAN) 2009

Pemberitahuan bertulis merupakan tanggungjawab premis untuk memberitahu Ketua Pengarah sebelum sebarang kerja-kerja pembinaan atau peningkatan sistem pengolahan efluen perindustrian dijalankan.

Pada tahun 2023, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan telah menerima dan memproses sebanyak dua puluh lapan (28) pemberitahuan bertulis di bawah Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009. Bilangan pemberitahuan bertulis yang diterima dan keputusan permohonan untuk tahun 2023 adalah seperti jadual dibawah:

| Bilangan Pemberitahuan Bertulis | Keputusan | |
|---------------------------------|-------------|-------------------|
| | Diperakukan | Tidak Diperakukan |
| 28 | 24 | 4 |

Jadual 2.4.3: Bilangan Permohonan yang diterima dan Keputusan Terhadap Permohonan Tahun 2023

PELESENAN DAN PEMBERITAHUAN BERTULIS

BAHAGIAN PEMBANGUNAN

PEMBERITAHUAN BERTULIS DI BAWAH PERATURAN 4, PERATURAN-PERATURAN KUALITI ALAM SEKELILING (KUMBAHAN) 2009

Kebenaran bertulis di bawah Peraturan 15, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 pula merupakan satu kebenaran yang diberikan kepada loji rawatan kumbahan yang ingin melupuskan enapcemar yang dihasilkan daripada sistem pengolahan kumbahan. Enapcemar ini perlu dilupuskan di tapak pelupusan khas atau di tapak pelupusan sekitar. Sepanjang tahun 2023, sebanyak dua puluh tujuh (27) permohonan telah diterima dan diproses oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan.

PEMBERITAHUAN BERTULIS DI BAWAH PERATURAN 5, PERATURAN-PERATURAN KUALITI ALAM SEKELILING (UDARA BERSIH) 2014

Premis-premis yang ingin menjalankan kerja-kerja pemasangan baru sistem kawalan pencemaran udara (SKPU) dan juga menaiktaraf SKPU dan alat pembakaran api perlu mengemukakan pemberitahuan bertulis di bawah Peraturan 5, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014.

Sebanyak lapan puluh satu (81) pemberitahuan bertulis bagi pemasangan baru dan naiktaraf SKPU telah diterima dan diperaku oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan pada tahun 2023.

LESEN PELANGGARAN

Lesen Pelanggaran merupakan satu lesen yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar bagi membolehkan premis melepaskan efluen atau kumbahan atau pengeluaran pencemaran udara melebihi had atau nilai batas yang ditetapkan. Terdapat dua (2) jenis lesen pelanggaran iaitu:

- i. Lesen Pelanggaran di bawah Seksyen 25, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974; Peraturan 15, Peraturan - Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009; dan
- ii. Lesen Pelanggaran di bawah Seksyen 22, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974; Peraturan 25, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014.

Sebanyak tiga (3) permohonan lesen pelanggaran di bawah Seksyen 25, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan lapan (8) permohonan lesen pelanggaran di bawah Seksyen 22, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 telah diterima oleh Jabatan

PENDIDIKAN DAN KESEDARAN ALAM SEKITAR

BAHAGIAN PEMBANGUNAN

Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan telah menganjurkan pelbagai program pendidikan dan kesedaran sepanjang tahun 2023 yang melibatkan Rakan Alam Sekitar, agensi swasta, guru-guru, pelajar sekolah dan orang awam serta komuniti.

PROGRAM RAKAN ALAM SEKITAR

Program Rakan Alam Sekitar (RAS) yang dilancarkan pada 4 Jun 2009 telah mempunyai seramai 7512 ahli berdaftar di Negeri Sembilan sehingga Disember 2023. Keahlian Rakan Alam Sekitar (RAS) terbuka kepada semua warganegara Malaysia tanpa mengira peringkat umur termasuk pelajar sekolah, pelajar institusi pengajian tinggi, pekerja sektor awam / swasta, orang awam dan lain-lain.

Pendaftaran keahlian RAS boleh dibuat secara dalam talian melalui portal RAS di pautan <https://myras.doe.gov.my/>

Program Rakan Alam Sekitar (Ras) telah menjalankan aktiviti penanaman pokok sebanyak 150 pokok tahun 2023 bagi menyokong kempen penanaman 100 juta pokok.

SEMINAR/BENGGEL/TAKLIMAT, CERAMAH DAN PAMERAN ALAM SEKITAR

Aktiviti ceramah dan pameran alam sekitar yang diberikan kepada para pelajar sekolah dan orang awam bertujuan untuk menanam kesedaran terhadap kepentingan pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar. Sepanjang tahun 2023, sebanyak dua puluh tiga (23) seminar bengkel / taklimat, dua puluh tiga (23) siri ceramah serta lapan belas (18) pameran bertemakan alam sekitar telah dilaksanakan melibatkan beberapa kumpulan sasaran di seluruh Negeri Sembilan.

Ceramah bersifat promosi alam sekitar mengenai pengurusan buangan elektrik dan elektronik (*e-waste*), buangan terjadual dan penipisan lapisan ozon telah dijalankan bagi meningkatkan tahap pengurusan alam sekitar selaras dengan Dasar Alam Sekitar Negara (DASN) dan Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 terutamanya bagi sektor perindustrian.

PENDIDIKAN DAN KESEDARAN ALAM SEKITAR

BAHAGIAN PEMBANGUNAN

SEMINAR/BENGGKEL/TAKLIMAT, CERAMAH DAN PAMERAN ALAM SEKITAR



Pameran Alam Sekitar Sempena Safety Health Environment Week di premis.



Ceramah Alam Sekitar Sempena Hari Bumi



Ceramah Alam Sekitar di Sempena Hari Alam Sekitar Sedunia



Sesi Libat Urus Bersama Agensi Berkepentingan bagi Mencegah dan Menangani Masalah Pembakaran Terbuka di Port Dickson.

PENDIDIKAN DAN KESEDARAN ALAM SEKITAR

BAHAGIAN PEMBANGUNAN

SAMBUTAN HARI BERTEMAKAN ALAM SEKITAR

i. Sambutan Hari Bumi

Tema sambutan Hari Bumi tahun ini adalah "*Invest In Our Planet*". Sambutan secara global ini menjadi inisiatif yang penting dalam menerapkan lagi kecintaan masyarakat terhadap alam sekitar. Aktiviti *Enviro Cycling* di Kawasan Kampung Pachitan, Port Dickson, Negeri Sembilan. *Walkabout* YAB Menteri Besar Negeri Sembilan ke khemah Pengumpulan Buangan Elektrik dan Elektronik (*E-Waste*) di Dataran Kampung Pachitan, Port Dickson, Negeri Sembilan. Pemenang Hadiah Pertandingan Pengumpulan Buangan Elektrik dan Elektronik (*E-Waste*).

Majlis Perasmian Sambutan Hari Bumi telah diadakan di Dataran Kampung Pachitan, Port Dickson, Negeri Sembilan pada 11 Mac 2023 dan turut dihadiri seramai 200 pengunjung yang terdiri dari orang awam dan sektor industri serta pelbagai aktiviti lain juga dijalankan iaitu pertandingan kuiz alam sekitar, pertandingan pengumpulan minyak masak, pertandingan pengumpulan buangan elektrik dan elektronik, pameran bertemakan alam sekitar, dan *enviro cycling*.



Aktiviti *Enviro Cycling* di Kawasan Kampung Pachitan, Port Dickson, Negeri Sembilan.



Pemenang Hadiah Pertandingan Pengumpulan Buangan Elektrik dan Elektronik (*E-Waste*).



Walkabout YAB Menteri Besar Negeri Sembilan ke khemah Pengumpulan Buangan Elektrik dan Elektronik (*E-Waste*) di Dataran Kampung Pachitan, Port Dickson, Negeri Sembilan.

PENDIDIKAN DAN KESEDARAN ALAM SEKITAR

BAHAGIAN PEMBANGUNAN

SAMBUTAN HARI BERTEMAKAN ALAM SEKITAR

ii. Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia

Tema sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia tahun ini adalah *“Beat Plastic Pollution”*. Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia Peringkat Negeri Sembilan Tahun 2023 telah dilaksanakan secara fizikal. Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia ini telah diadakan di Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri, Seremban, Negeri Sembilan dan turut dihadiri seramai 300 pengunjung yang terdiri daripada pelajar sekolah, orang awam dan sektor industri.



Perasmian Hari Alam Sekitar Sedunia telah dirasmikan oleh YB. Tuan Veerapan A/L Superamiam, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesihatan, Alam Sekitar, Koperasi dan Kepenggunaan.



Sembang Santai yang disampaikan oleh Puan Raudhah Binti A. Karim, Pegawai Kawalan Alam Sekitar.



Saringan Pemeriksaan Kesihatan Percuma dari Columbia Asia Hospital- Seremban.



Pertandingan Mewarna Kanak-Kanak Sempena Hari Alam Sekitar Sedunia.

PENDIDIKAN DAN KESEDARAN ALAM SEKITAR

BAHAGIAN PEMBANGUNAN

SAMBUTAN HARI BERTEMAKAN ALAM SEKITAR



Pengunjung Bersama Maskot Echa Sempena Hari Alam Sekitar Sedunia.



Pengumpulan Buangan Elektrik dan Elektronik (E-Waste) Sempena Hari Alam Sekitar Sedunia.

iii. Sambutan Hari Perlindungan Lapisan Ozon Sedunia

Tema pada tahun 2023 adalah "*Montreal Protocol: Fixing the ozone layer and reducing climate change*". Tema ini menunjukkan sumbangan Protokol Montreal dalam melindungi lapisan ozon dan menangani perubahan iklim serta keperluan kolaborasi dan kerjasama global untuk sama-sama menangani isu alam sekitar dan melindungi semua hidupan di atas bumi untuk kepentingan generasi akan datang.

Sambutan Hari Perlindungan Lapisan Ozon Sedunia Tahun 2023 telah diadakan pada 30 September 2023 di Pantai Saujana, Port Dickson, Negeri Sembilan dan turut dihadiri oleh 200 orang yang terdiri daripada orang awam, institut pengajian tinggi, dan sektor industri. Antara program yang dijalankan adalah pertandingan *one minute talk*, senamrobik dan *world clean up* di kawasan Pantai Saujana, Port Dickson, Negeri Sembilan.

PENDIDIKAN DAN KESEDARAN ALAM SEKITAR

BAHAGIAN PEMBANGUNAN

SAMBUTAN HARI BERTEMAKAN ALAM SEKITAR



Penyampaian Hadiah Pertandingan *One Minute Talk* Sempena Hari Perlindungan Lapisan Ozon Sedunia.



Flag Off Aktiviti Kutip Sampah dan Riadah (KUDAH) Sempena Hari Perlindungan Lapisan Ozon Sedunia.



Aktiviti Kutip Sampah dan Riadah (KUDAH) Sempena Hari Perlindungan Lapisan Ozon Sedunia.



Penyampaian Hadiah Cabutan Bertuah kepada Pengunjung Sempena Hari Perlindungan Lapisan Ozon Sedunia.

PENDIDIKAN DAN KESEDARAN ALAM SEKITAR

BAHAGIAN PEMBANGUNAN

SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA (HASN)



Rajah 2.5.5: Logo Hari Alam Sekitar Negara Tahun 2023

Sambutan HASN telah dianjurkan secara serentak di seluruh negara pada 21 Oktober 2023 dengan tema 'Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama'. Sambutan HASN tahun 2023 peringkat Negeri Sembilan telah diadakan pada 4 November 2023 di Kompleks Belia dan Sukan, Paroi, Negeri Sembilan telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Utama Haji Aminuddin bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan. Majlis perasmian tersebut juga dimeriahkan dengan penyampaian pemenang - pemenang pertandingan pengumpulan buangan elektrik dan elektronik (*e-waste*) peringkat sekolah kategori sekolah rendah dan sekolah menengah di seluruh kawasan di Negeri Sembilan bersempena HASN 2023 dan telah mendapat sambutan yang menggalakkan dengan jumlah terkumpul sebanyak 22,754.95 kg sepanjang pertandingan pengumpulan buangan elektrik dan elektronik (*e-waste*).

Pelbagai aktiviti menarik diadakan semasa sambutan HASN 2023 peringkat Negeri Sembilan, antaranya adalah senamrobik dan envirowalk, pertandingan rekacipta peringkat sekolah, pertandingan *enviro photo creative*, pertandingan mencipta dan mendeklamasi sajak peringkat sekolah, pertandingan memasak nogori, pertandingan pengumpulan kaca tertinggi, pameran alam sekitar, aktiviti capan, saringan kesihatan percuma, pengumpulan minyak masak terpakai dan sembang santai 'Risiko Pembakaran Terbuka Terhadap Kesihatan Manusia'. Program ini telah dihadiri oleh 1500 pengunjung daripada pelbagai lapisan masyarakat.

PENDIDIKAN DAN KESEDARAN ALAM SEKITAR

BAHAGIAN PEMBANGUNAN

SAMBUTAN HARI BERTEMAKAN ALAM SEKITAR



Sidang Media Dengan YAB Menteri Besar Negeri Sembilan Sempena Hari Alam Sekitar Negara di Kompleks Belia dan Sukan, Paroi, Negeri Sembilan.



Pameran Sempena Hari Alam Sekitar Negara.



Walkabout di Khemah Pertandingan Memasak Nogori Sempena Hari Alam Sekitar Negara.



Pertandingan Rekacipta Peringkat Sekolah Sempena Hari Alam Sekitar Negara.



Aktiviti Capan Alam Sekitar Peringkat Tadika Sempena Hari Alam Sekitar Negara.



Penyampaian Pertandingan Sajak Peringkat Sekolah Sempena Hari Alam Sekitar Negara.

PENDIDIKAN DAN KESEDARAN ALAM SEKITAR

BAHAGIAN PEMBANGUNAN

SEKOLAH LESTARI – ANUGERAH ALAM SEKITAR (SLAAS)



Rajah 2.5.6: Logo SLAAS Sesi 2023/2024 Peringkat Negeri Sembilan

SLAAS telah memasuki kitaran kesembilan (9) pada tahun 2023. Tahun 2023 merupakan tahun promosi kepada Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah-sekolah bagi menyertai SLAAS. **Jadual 2.5.1:** Jadual Jumlah Penyertaan Sekolah Mengikut Pejabat Pendidikan Daerah SLAAS Sesi 2023/2024.

Program SLAAS sesi 2023/2024 telah menarik penyertaan sebanyak dua puluh tiga (23) buah sekolah yang terdiri daripada sembilan (9) sekolah menengah dan tiga belas (13) buah sekolah rendah dari seluruh Negeri Sembilan.


| Bil | Pejabat Pendidikan Daerah | Jumlah Penyertaan Sekolah |
|-----|---------------------------|---------------------------|
| 1 | Seremban | 7 |
| 2 | Port Dickson | 6 |
| 3 | Tampin | 3 |
| 4 | Kuala Pilah | 4 |
| 5 | Rembau | 1 |
| 6 | Jempol dan Jelevu | 4 |

Jadual 2.5.1: Jadual Jumlah Penyertaan Sekolah Mengikut Pejabat Pendidikan Daerah SLAAS Sesi 2023/2024

PENDIDIKAN DAN KESEDARAN ALAM SEKITAR

BAHAGIAN PEMBANGUNAN

SEKOLAH LESTARI – ANUGERAH ALAM SEKITAR (SLAAS)



Bengkel Promosi SLAAS yang diadakan Secara Online.



Bengkel Promosi SLAAS yang diadakan secara fizikal di Seremban, Negeri Sembilan.

PROGRAM PENGUMPULAN BUANGAN ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK (E-WASTE)

Kempen pengumpulan *e-waste* ini melibatkan kerjasama Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan dengan rakan strategik iaitu premis yang dilesenkan Jabatan Alam Sekitar untuk mengumpul dan memproses buangan peralatan elektrik dan elektronik tersebut.

Sebanyak 22,754.95 kg jumlah berat program *e-waste* yang telah dijalankan sepanjang kempen tersebut.



Program Pengumpulan Buangan Elektrik dan Elektronik (E-Waste) di Dataran Kuala Pilah, Negeri Sembilan.



Program Pengumpulan Buangan Elektrik dan Elektronik (E-Waste) di Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan.

PENDIDIKAN DAN KESEDARAN ALAM SEKITAR

BAHAGIAN PEMBANGUNAN

PROGRAM GOTONG-ROYONG DENAI SUNGAI KEBANGSAAN

Program ini dapat mencegah masalah pencemaran sisa di sungai serta dapat mengelakkan aktiviti pembuangan haram ke dalam sungai. Di bawah program Denai Kebangsaan, KASA melalui Jabatan Alam Sekitar dengan kerjasama kerajaan negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan swasta telah mengenal pasti kawasan-kawasan rizab sungai untuk dibangunkan sebagai kawasan rekreasi melalui pembinaan denai dan aktiviti pengindahan sungai seperti Sungai Serting dan Sungai Mahang.



Program Gotong-Royong Denai Sungai Kebangsaan di Pantai Teluk Kemang, Port Dickson, Negeri Sembilan.



Program Gotong-Royong Denai Sungai Kebangsaan di Air Terjun Sg Mahang, Nilai, Negeri Sembilan.

BAB 03

BAHAGIAN OPERASI

- **Kawalan Premis Yang Ditetapkan (PYDT)**
- **Kawalan Premis Yang Bukan Ditetapkan (PYBDT)**
- **Kawalan Kenderaan Bermotor**
- **Aduan**
- **Statistik Tindakan Penguatkuasaan**

KAWALAN PREMIS YANG DITETAPKAN (PYDT)

BAHAGIAN OPERASI

Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan telah menjalankan penguatkuasaan terhadap premis dilesenkan di bawah Seksyen 18, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Terdapat tiga (3) premis yang dikategorikan sebagai premis yang ditetapkan iaitu:

- i. Premis yang ditetapkan - Kilang Getah Asli Mentah;
- ii. Premis yang ditetapkan - Kilang Kelapa Sawit Mentah; dan
- iii. Premis yang ditetapkan - Kemudahan Pengolahan dan Pelupusan Buangan Terjadual

KILANG GETAH ASLI MENTAH (KG)

Bagi Kilang Getah Asli Mentah (KG), sebanyak sepuluh (10) buah kilang getah telah dilesenkan tahun 2023. Sebanyak satu (1) buah kilang getah yang dilesenkan ini melepaskan efluen terolah melalui kaedah pelepasan ke alur air dan sebuah (1) kilang getah melepaskan efluen terolah ke atas tanah.

Manakala terdapat sebanyak lapan (8) kilang getah mengamalkan kitar semula efluen.

KILANG KELAPA SAWIT MENTAH (KKS)

Pada tahun 2023, sebanyak lima belas (15) buah kilang kelapa sawit telah dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan.

Sebanyak lapan (8) buah kilang kelapa sawit yang dilesenkan melepaskan efluen terolah ke dalam alur air, tujuh (7) buah kilang kelapa sawit melepaskan efluen terolah ke atas tanah.

KAWALAN PREMIS YANG DITETAPKAN (PYDT)

BAHAGIAN OPERASI

KEMUDAHAN PENGOLAHAN DAN PELUPUSAN BUANGAN TERJADUAL DAN PEMBAWA YANG DITETAPKAN.

Kemudahan pengolahan dan pelupusan buangan terjadual merupakan premis yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar bagi memproses, merawat dan melupuskan buangan terjadual yang dihasilkan oleh pengeluar buangan. Terdapat enam (6) jenis yang dikategorikan sebagai Premis Yang Ditetapkan (PYDT) iaitu:

- i. Kemudahan penstoran luar tapak buangan terjadual
- ii. Kemudahan pengolahan luar tapak buangan terjadual
- iii. Kemudahan pemerolehan kembali luar tapak buangan terjadual
- iv. Penunu buangan terjadual
- v. Kemudahan pengolahan di tanah buangan terjadual
- vi. Tapak pelupusan selamat buangan terjadual, pembawa yang ditetapkan pula adalah merujuk kepada mana - mana kenderaan atau kapal yang digunakan bagi tujuan pergerakan, pemindahan atau pengangkutan buangan terjadual.

Pada tahun 2023, sejumlah dua puluh tujuh (27) premis telah dilesenkan di bawah Seksyen 18(1) dan (1A), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. (Jadual 3.1.1) menunjukkan pecahan bilangan jenis lesen dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan. Jumlah premis PYDT yang dilesenkan dan pematuhan premis PYDT seperti dalam (Rajah 3.1.1 dan Rajah 3.1.2).

KAWALAN PREMIS YANG DITETAPKAN (PYDT)


BAHAGIAN OPERASI

| Bil | Jenis Lesen | Spesifik Lesen | Jumlah |
|---------------------------|--|---|-----------|
| 1 | Kemudahan Penstoran Luar Tapak | Kemudahan Penstoran Luar Tapak | 1 |
| 2 | Kemudahan Pemerolehan Kembali Luar Tapak | Kemudahan Pemerolehan Kembali Luar Tapak (Bukan <i>e-waste</i>) | 18 |
| | | Kemudahan Pemerolehan Kembali Luar Tapak (<i>e-waste</i>) | 2 |
| | | Kemudahan Pemerolehan Kembali Luar Tapak Separa (<i>e-waste</i>) | 6 |
| 3 | Kemudahan Pengolahan Luar Tapak | Kemudahan Pengolahan Luar Tapak (pensterilan dengan menggunakan ozon) | 1 |
| | | Kemudahan Pengolahan Luar Tapak Gelombang Mikro (CWTC) | 1 |
| | | Kemudahan Loji Fizikal Dan Kimia (PCT) | 1 |
| | | Kemudahan Loji Solidifikasi | 1 |
| 4 | Penunu BT (Incinerator) | Penunu BT (Incinerator) | 1 |
| | | Penunu Buangan Terjadual <i>Schedule Waste To Energy</i> (SWTE) | 1 |
| 5 | Tapak Pelupusan Selamat | Tapak Pelupusan Selamat | 1 |
| 6 | Pembawa Yang Ditetapkan | Pembawa Yang Ditetapkan | 24 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | | 58 |


Jadual 3.1.1 Jumlah Lesen PYDT BT mengikut Jenis Lesen Tahun 2023

KAWALAN PREMIS YANG DITETAPKAN (PYDT)

BAHAGIAN OPERASI



Rajah 3.1.1: Jumlah Premis Yang Ditetapkan (PYDT) mengikut Jenis Lesen Tahun 2023



Rajah 3.1.2: Peratus Pematuhan Premis Yang Ditetapkan (PYDT) Tahun 2023

KAWALAN PREMIS YANG BUKAN DITETAPKAN (PYBDT)


BAHAGIAN OPERASI

Premis Yang Bukan Ditetapkan (PYBDT) adalah merujuk kepada premis selain dari yang dilesenkan oleh JAS di bawah Seksyen 18, Akta 127 iaitu selain daripada kilang getah asli mentah, kilang kelapa sawit mentah dan kilang/kemudahan yang menjalankan proses pemerolehan kembali, pengolahan dan pelupusan buangan terjadual. Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan juga telah menjalankan penguatkuasaan ke atas Premis Yang Bukan Ditetapkan (PYBDT) sepanjang tahun 2023. Penguatkuasaan ini bagi premis yang menjalankan aktiviti melibatkan industri pembuatan, hotel, loji kumbahan dan bengkel di kawasan Negeri Sembilan Utara (Kawasan Nilai, Sendayan dan Enstek), Negeri Sembilan Barat (Daerah Seremban, Port Dickson dan Rembau) dan Negeri Sembilan Timur (Daerah Kuala Pilah, Jempol, Jelebu, Tampin).

Siasatan penguatkuasaan yang dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan sepanjang tahun 2023 adalah sebanyak 810 pemeriksaan berbanding tahun lepas 793 pemeriksaan, melibatkan pelbagai jenis industri bagi mematuhi peraturan-peraturan berikut :

- i. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009;
- ii. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005;
- iii. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014; dan
- iv. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009.

Hasil daripada pemeriksaan yang dijalankan, tindakan susulan telah diambil terhadap premis seperti dengan mengeluarkan *field citation*, notis arahan, kompaun dan tindakan mahkamah. Bilangan premis dan bilangan pemeriksaan ke atas premis PYBDT mengikut suku tahun 2023 seperti dalam (Rajah 3.2.1).



Rajah 3.2.1: Bilangan Premis dan Bilangan Pemeriksaan ke atas Premis PYBDT mengikut Suku Tahun 2023

KAWALAN PREMIS YANG BUKAN DITETAPKAN (PYBDT)

BAHAGIAN OPERASI



Kerja - kerja Persampelan Efluen Terolah Sistem Pengolahan Efluen Perindustrian (SPEP) di Takat Pelepasan Akhir di Premis.



Pegawai bergambar bersama wakil premis bagi Pembuktian Pengambilan Persampelan Efluen Terolah Sistem Pengolahan Efluen Perindustrian (SPEP) bersama wakil premis.



Pegawai sedang memeriksa Pelepasan Efluen Terolah Warna dan pH dari Sistem Pengolahan Efluen Perindustrian (SPEP).




Pegawai sedang mengambil Persampelan Efluen Terolah Sistem Pengolahan Efluen Perindustrian (SPEP).

KAWALAN KENDERAAN BERMOTOR


BAHAGIAN OPERASI

PENGUATKUASAAN KAWALAN PELEPASAN ASAP HITAM KENDERAAN DIESEL

Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan melalui Unit Kenderaan Bermotor telah menjalankan Penguatkuasaan Kawalan Pelepasan Asap Hitam Kenderaan Diesel di bawah Peraturan 11, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 yang mana tahap pelepasan yang perlu dipatuhi adalah tidak melebihi 50 HSU%. (Rajah 3.2.1) dan (Rajah 3.2.2) menunjukkan bilangan penguatkuasaan yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2023:



Rajah 3.2.1: Pencapaian Penguatkuasaan Kawalan Pelepasan Asap Hitam Kenderaan Diesel (Ops Statik) Tahun 2023




Rajah 3.2.2: Pencapaian Penguatkuasaan Kawalan Pelepasan Asap Hitam Kenderaan Diesel (Ops Catat Dan Kamera Video) Tahun 2023

KAWALAN KENDERAAN BERMOTOR

BAHAGIAN OPERASI

PENGUATKUASAAN KAWALAN PELEPASAN CO/HC KENDERAAN PETROL

Program kawalan pelepasan karbon monoksida (CO) dan hidrokarbon (HC) dijalankan bagi kenderaan yang menggunakan bahan api petrol bagi menguji tahap pelepasan dua (2) jenis gas iaitu Karbon Monoksida (CO) dan Hidrokarbon (HC). Tahap pelepasan yang dibenarkan adalah seperti di bawah Peraturan 10, Jadual Keempat, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996. (Rajah 3.2.3) menunjukkan bilangan penguatkuasaan yang dilaksanakan sepanjang tahun 2023.




Rajah 3.2.3 : Pencapaian Penguatkuasaan Kawalan Pelepasan CO/HC Kenderaan Petrol Tahun 2023

KAWALAN KENDERAAN BERMOTOR

BAHAGIAN OPERASI

PENGUATKUASAAN KAWALAN PELEPASAN BUNYI BISING DARI MOTOSIKAL

Penguatkuasaan Kawalan Pelepasan Bunyi Bising Dari Motosikal adalah seperti di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987. (Rajah 3.2.4) menunjukkan bilangan penguatkuasaan kawalan pelepasan bunyi bising dari motosikal yang telah dilaksanakan pada tahun 2023.



Rajah 3.2.4: Penguatkuasaan Kawalan Pelepasan Bunyi Bising Dari Motosikal Tahun 2023

LAIN-LAIN PENGUATKUASAAN KAWALAN KENDERAAN BERMOTOR

Unit Kenderaan Bermotor juga menjalankan lain-lain program kawalan kenderaan bermotor seperti pemeriksaan Kemudahan Yang Diluluskan (KYDL), pemeriksaan pengendali berkumpulan (*Fleet Operator*), penguatkuasaan pengurusan refrigeran dan penguatkuasaan Peraturan 16, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan daripada Enjin Diesel) 1996.


Penguatkuasaan pengujian refrigeran kenderaan telah dijalankan di bengkel-bengkel servis pendingin udara kenderaan dan juga terhadap kenderaan orang awam.

KAWALAN KENDERAAN BERMOTOR

BAHAGIAN OPERASI

Program Pengendali Berkumpulan merupakan penguatkuasaan terhadap syarikat-syarikat pengendali berkumpulan yang mengendalikan kenderaan berenjin diesel yang melebihi sepuluh (10) buah. Lawatan terhadap pengendali berkumpulan dilakukan bagi memastikan kenderaan-kenderaan yang dikendalikan melakukan pemeriksaan asap secara berkala di Kemudahan Yang Diluluskan (KYDL) oleh Jabatan Alam Sekitar supaya mematuhi standard pelepasan asap yang telah ditetapkan.

(Rajah 3.2.5) menunjukkan pencapaian tahun 2023 bagi lain-lain penguatkuasaan kawalan kenderaan bermotor.



Rajah 3.2.5: Lain-Lain Penguatkuasaan Kawalan Kenderaan Bermotor Tahun 2023

KAWALAN KENDERAAN BERMOTOR

BAHAGIAN OPERASI



Penguatkuasaan Kawalan Pelepasan Asap Hitam Kendaraan Diesel.



Pemeriksaan *Fleet Operator* Premis yang mengendalikan Kendaraan Berenjin Diesel.



Pemeriksaan Kawalan Pelepasan Asap Hitam Kendaraan Diesel.



Pemeriksaan Premis yang mengendalikan dan *Refrigerant Identifier*.

ADUAN

BAHAGIAN OPERASI

Unit Aduan, Kontingensi & Pembakaran Terbuka telah menerima aduan daripada pelbagai pihak sama ada orang awam, Badan Bukan Kerajaan (NGO) atau daripada agensi kerajaan. Siasatan bagi kes aduan pembakaran terbuka adalah mengikut Seksyen 29A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 serta Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Diisytiharkan) (Pembakaran Terbuka) 2003.

Antara lokasi yang sering dikesan melakukan pembakaran terbuka adalah di ladang getah, hutan, belukar, tapak kutipan sisa pepejal, ladang kelapa sawit, tapak pembinaan, ladang getah dan lain-lain. Pengesanan pembakaran terbuka di kawasan tersebut akan dikesan dan dicerap melalui satelit yang dipantau dan dilaporkan oleh *ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC)*.

KATEGORI ADUAN PENCEMARAN

Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan telah menerima sebanyak lima ratus tujuh puluh tiga (573) aduan pada tahun 2023 manakala tiga ratus enam puluh tujuh (367) aduan sahaja aduan diterima pada tahun 2022. **(Rajah 3.4.1)** menunjukkan perbandingan jumlah aduan mengikut tahun 2022 dan tahun 2023.




Rajah 3.4.1: Perbandingan Jumlah Aduan yang diterima Tahun 2022 dan Tahun 2023


ADUAN

BAHAGIAN OPERASI

Daerah yang memiliki bilangan aduan yang tertinggi ialah daerah Seremban iaitu sebanyak empat ratus sebelas (411) aduan manakala daerah Jelevu mempunyai bilangan aduan terendah iaitu lima (5) aduan sahaja. Bilangan aduan bagi daerah Jempol, Tampin, Jelevu, Kuala Pilah dan Port Dickson. (Rajah 3.4.2) menunjukkan bilangan aduan mengikut daerah tahun 2023.



Rajah 3.4.2: Bilangan Aduan mengikut Daerah Tahun 2023




Rajah 3.4.3: Bilangan Aduan mengikut Daerah Tahun 2023


ADUAN

BAHAGIAN OPERASI

Aduan jenis pencemaran udara merupakan rekod yang tertinggi sebanyak 473 pada tahun 2023. (Rajah 3.4.4) dan (Rajah 3.4.5) menunjukkan bilangan aduan mengikut jenis pencemaran bagi tahun 2023 adalah seperti berikut.



Rajah 3.4.4: Bilangan Aduan mengikut Daerah Tahun 2023




Rajah 3.4.5: Bilangan Aduan mengikut Jenis Pencemaran Tahun 2023

STATISTIK TINDAKAN PENGUATKUASAAN

BAHAGIAN OPERASI

NOTIS ARAHAN

Pada tahun 2023, Jabatan ini telah mengeluarkan sebanyak dua ratus tiga puluh tiga (233) Notis Arahan kepada premis / pemilik yang melakukan kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya supaya premis mengambil tindakan penambahbaikan dengan segera.



Rajah 3.5.1: Bilangan Notis Arahan yang dikeluarkan Tahun 2023


Notis Arahan dikeluarkan kepada Premis Yang Bukan Ditetapkan (PYBDT), Notis Arahan kepada kenderaan bermotor, Notis Arahan kepada Premis Yang Ditetapkan (PYDT) dan Notis Arahan kepada lain-lain seperti dalam (Rajah 3.5.1).

STATISTIK TINDAKAN PENGUATKUASAAN

BAHAGIAN OPERASI

KOMPAUN

Susulan dari siasatan penguatkuasaan termasuk OPS Gempur yang telah dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan, Jabatan telah mengeluarkan tawaran kompaun kepada premis / pemilik yang melakukan kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya. Sepanjang tahun 2022, sejumlah 209 kompaun telah dikeluarkan dan jumlah kutipan kompaun adalah sebanyak RM 234,000.00.




Rajah 3.5.2: Bilangan Tawaran Kompaun mengikut Peraturan dan Seksyen Kesalahan Tahun 2023

Kompaun Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (PPKAS) (Diesel) merupakan yang tertinggi. Kompaun Sek. 29A, Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974, Kompaun Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (PPKAS) Efluen Perindustrian (EP) 2009, Kompaun Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (PPKAS) Buangan Terjadual (BT) 2005, Kompaun Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (PPKAS) Bunyi Bising dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (PPKAS) Kambus Tanah 2009 seperti dalam (Rajah 3.5.2).

PENDAKWAAN DAN TINDAKAN MAHKAMAH

BAHAGIAN OPERASI

Sepanjang tahun 2023, sebanyak empat puluh satu (41) kertas siasatan telah didaftarkan bagi tindakan mahkamah. Sebanyak dua puluh sembilan (29) yang telah dipertuduhkan di mahkamah telah selesai dan dikenakan hukuman denda di mahkamah. Jumlah keseluruhan hukuman denda yang dikenakan adalah sebanyak RM427,000.00. **(Rajah 3.5.3)** menunjukkan bilangan pertuduhan didaftarkan mengikut kesalahan tahun 2023.



Rajah 3.5.3: Bilangan Pertuduhan didaftarkan mengikut Kesalahan Tahun 2023

Pertuduhan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling Efluen Perindustrian 2009 merupakan pertuduhan yang tertinggi dan Pertuduhan Seksyen 16 (Sek. 16), pertuduhan Seksyen 18 (Sek. 18), pertuduhan Seksyen 41 (Sek. 41), pertuduhan Seksyen 34.A (Sek. 34A), pertuduhan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling Buangan Terjadual 2005 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling Udara Bersih 2014 seperti dalam **(Rajah 3.5.3)**.

JABATAN ALAM SEKITAR MALAYSIA



ISSN 3030-6469



9 773030 646005